



PEJABAT RELA DAERAH KUANTAN
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA) NEGERI PAHANG
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Aras 4, Kompleks Kementerian Dalam Negeri
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan, PAHANG
MALAYSIA

Telefon : 09-5721446
Faks : 09-5721446
Portal Rasmi : www.rela.gov.my

Rujukan Kami : RELA99/265/2/C/25 Jilid 2 (3)

Tarikh : 9 Januari 2026

PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU

Sekolah Menengah Kebangsaan
Tengku Panglima Perang Tengku Muhammad,
Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan, Pahang

**MAKLUM BALAS DAN KADAR ELAUN PERKHIDMATAN ANGGOTA RELA BAGI KAWALAN LALU LINTAS
SEMASA WAKTU PUNCAK PERSEKOLAHAN**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas dan surat permohonan tuan bertarikh 29 Disember 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak RELA Daerah Kuantan **TIADA HALANGAN** dalam menyediakan perkhidmatan anggota RELA. Kadar elaun bagi penugasan seperti mana permohonan tuan dengan kadar elaun seperti yang telah dipersetujui bersama.

Tarikh	Masa	Bil. Anggota	Tempat	Kadar Pengiraan (RM)
1 Januari 2026 – 31 Disember 2026 (Sesi Persekolahan)	Waktu puncak	2 x Anggota	SMK Tengku Panglima Perang Tengku Muhammad	RM 50.00 x 2 orang = RM 100.00
JUMLAH				= RM 100.00/ sehari

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(PgKR JANNAH BINTI ISMAIL)

Pegawai RELA Daerah
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
Daerah Kuantan





**PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU,
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
TENGKU PANGLIMA PERANG TENGKU MUHAMMAD,
BANDAR INDERA MAHKOTA, 25200 KUANTAN.**

NO. TEL : 09-5732868
NO. FAKS : 09-5739726



Ruj. Kami : SMKTPPTM.100-13/1/4 Jld.3 (67)
Tarikh : 29 Disember 2025

Pejabat RELA Daerah Kuantan,
Aras 4, Jalan Kompleks KDN,
Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan, Pahang.

Puan,

**PERMOHONAN PERKHIDMATAN RELA BAGI TUJUAN KAWALAN LALU LINTAS
SERTA KAEDAH BAYARAN**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Ibu Bapa Dan Guru Sekolah (PIBG SMKTPPTM) ingin memohon meneruskan perkhidmatan RELA bagi tujuan kawalan lalu lintas dan keselamatan anak anak panglima ketika balik dari sekolah di waktu puncak. Banyak kes kemalangan telah berlaku dan PIBG mengambil langkah pro aktif untuk mengatasi masalah tersebut.

3. Berdasarkan maklum balas yang diterima pihak sekolah, PIBG SMKTPPTM telah bersetuju untuk mendapatkan perkhidmatan RELA bermula 01 Januari hingga Disember 2026 mengikut bilangan hari persekolahan. Kaedah bayaran adalah setiap minggu melalui pemindahan wang ke akaun anggota yang bertugas.


4. Pihak PIBG SMKTPPTM mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian pihak RELA memberikan perkhidmatan yang diperlukan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK AGAMA, BANGSA & NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


..... SESI 2025/2026
(HJ AMIRUDIN BIN HJ ARIFIN)
Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru
Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Panglima Perang
Tengku Muhammad, Kuantan.